

28/03/1997

Kakitangan FNM digalak sertai skim insurans

KUALA LUMPUR, Khamis - Kakitangan Filem Negara Malaysia (FNM) digalakkan menyertai skim perlindungan insurans sebagai persediaan jika menghadapi kemalangan.

Ketua Pengarahnya, Shaharom Shahaban, berkata ia bertujuan memastikan mereka mendapat bantuan kewangan bagi meringankan beban dan penderitaan jika ditimpa kemalangan.

"Kemalangan yang menimpa dua jurukamera FNM di Langkawi, 2 Mac lalu, menjadi pengajaran bahawa perlindungan insurans adalah penting," katanya pada majlis penyampaian cek pampasan daripada Malaysian National Insurance (MNI) kepada balu kakitangan FNM yang terkorban dalam nahas Cessna di Langkawi, di sini, hari ini.

Balu kepada Abdul Razak Mohd Nor, Rokiah Abu Bakar dan balu kepada Ishak Latif, Faridah Abdullah menerima cek berkenaan yang disampaikan Pengerusi First Cartel (M) Sdn Bhd, selaku penganjur Le Tour de Langkawi '97 (LTDL), Wan Lokman Datuk Paduka Wan Ibrahim.

Cek berkenaan bernilai RM21,000 setiap satu. Selain itu, Wan Lokman turut menyampaikan sumbangan daripada kakitangan LTDL dan wakil media massa yang membuat liputan di LTDL berjumlah lebih RM700 seorang.

Dalam kejadian 2 Mac lalu, dua jurugambar FNM dan seorang juruterbang terbunuh apabila pesawat Cessna 172 milik Mofaz Air yang membuat liputan peringkat akhir lumba basikal LTDL terhempas di kawasan paya bakau, di Kelibang, kira-kira lima kilometer dari Kuah, Langkawi.

Jurugambar berkenaan ialah Ishak Latif, 35, dan Razak Mohd Nor, 43, manakala juruterbang ialah Nik Alfian Abd Ghani, 26.

Pesawat terbabit terhempas kira-kira 15 minit selepas perlumbaan itu dilepaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kira-kira jam 3.30 petang di hadapan Kompleks Lada.

Hadir sama pada majlis penyampaian cek itu, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Jamal Salimin dan Pengurus Besar Bahagian Insurans Am MNI, Hamdan Mat.

(END)